



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### PENJELASAN BERHUBUNG PAYDAY NOW

PUTRAJAYA, 21 JULAI - Merujuk kepada beberapa kenyataan di media sosial, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ingin menjelaskan bahawa **Pay Day Now** merupakan satu inisiatif komersial yang dibangunkan sepenuhnya oleh pihak swasta, iaitu Ramsol Group dengan kerjasama AmBank. Ia bukan merupakan dasar, inisiatif atau program Kerajaan Malaysia mahupun KUSKOP.

Kehadiran Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, pada majlis pelancaran semalam adalah atas jemputan sebagai saksi kepada pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara Ramsol Group dan AmBank.

Perkhidmatan Pay Day Now ditawarkan secara sukarela dan hanya melibatkan majikan yang memilih untuk menyertainya serta pekerja yang layak, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan. **Sehubungan itu, kemudahan ini bukan merupakan satu kemudahan yang diwajibkan, dan tidak melibatkan semua majikan atau pekerja di Malaysia.**

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai pelaksanaan, kelayakan, syarat penyertaan atau ciri-ciri perkhidmatan Pay Day Now, orang ramai boleh menghubungi Ramsol Group atau AmBank.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**  
**21 JULAI 2026**

